

HUBUNGAN ANTARA PENGLIBATAN IBU BAPA DAN MOTIVASI
INTRINSIK MURID DENGAN PENCAPAIAN BAHASA INGGERIS

VIJAYA NIRMALAH KANNIAH

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana

Sekolah Pendidikan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2021

DEDIKASI

Laporan projek ini didedikasikan khas buat anak-anak tercinta,
Thilagan ,Shaymala , Sharmilah dan Vinisha

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuhan kerana diatas limpah dan kurniaNya,maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan.

Di kesempatan ini,saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr.Mohd Rustam Bin Mohd Rameli selaku penyelia saya diatas kesabaran,sokongan,nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini.Segala bantuan ,semangat,strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik.Tidak dilupakan juga kepada barisan pensyarah dan staf teknikal di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini.Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan buat pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak meluangkan masa untuk menghulurkan bantuan dan meringankan bebanan yang ditanggung. Terima kasih juga diucapkan buat mereka yang sentiasa menghulurkan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung sehingga projek ini selesai. Ribuan terima kasih juga kepada anak-anak yang sentiasa memberi kasih sayang,dorongan,doa,peringatan dan panduan yang amat saya perlukan sehingga tesis ini dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya.Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini.Hanya tuhan yang dapat membalas jasa baik kalian. Terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bertujuan mengkaji masalah pencapaian Bahasa Inggeris merupakan masalah yang biasa dihadapi oleh murid sekolah rendah. Situasi ini dapat dikaitkan dengan penglibatan ibu bapa yang rendah dan juga motivasi intrinsik pelajar yang lemah dalam proses pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh penglibatan ibu bapa dan motivasi intrinsik terhadap pencapaian Bahasa Inggeris dalam kalangan murid SJKT Daerah Kluang. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif di mana reka bentuk adalah penyelidikan korelasi. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah 182 orang murid daripada sepuluh buah sekolah jenis kebangsaan Tamil di daerah Kluang. Instrumen yang digunakan adalah dibangunkan berdasarkan teori penentuan diri, teori Epstein dan teori perkembangan kognitif. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan ujian Spearman rho dan Regresi pelbagai. Hasil analisis deskriptif penglibatan ibu bapa dan motivasi intrinsik menunjukkan nilai median 3.00 iaitu pada tahap baik dan positif. Hasil analisis inferensi Ujian Spearman rho dan Regresi pelbagai menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan ditunjukkan oleh kedua-dua pemboleh ubah iaitu motivasi intrinsik dan penglibatan ibu bapa terhadap pencapaian Bahasa Inggeris. Secara amnya, keputusan kajian menunjukkan bahawa penglibatan ibubapa dan motivasi intrinsik dalam pengajaran Bahasa Inggeris berjaya meningkatkan pencapaian murid Bahasa Inggeris. Justeru, kajian ini memberi implikasi bahawa penglibatan ibu bapa dan motivasi intrinsik pelajar perlu diberikan perhatian dalam proses pembelajaran Bahasa Inggeris pelajar.

ABSTRACT

The purpose of this study is to the problem of English language achievement is a common problem faced by primary school students. This situation could be related with the low level of parental involvement and students' poor motivation intrinsic in the learning process. This study aims to examine the influence of parental involvement and students' intrinsic motivation towards English achievement among students of SJKT in Kluang district. This study applied quantitative approach whereby the specific design used was correlational study. The respondents involved in this study were 182 students from ten Tamil national type schools in Kluang district. The instruments used were developed based on self -determination Theory, Epstein Theory and Cognitive Development Theory. Data were analyzed descriptively and inferentially using the Spearman rho and multiple regression test. The results of descriptive analysis of parental involvement and intrinsic motivation showed a median of 3.00 which is at a good and positive level. The results of inferential analysis of Spearman rho and multiple regression test showed that there are significant relationship and influence of both variables namely intrinsic motivation and parental involvement towards English achievement. In general, the results of the study showed that parental involvement and intrinsic motivation successfully increased the English language achievement. Therefore, this study implied that parental involvement and students' motivation intrinsic need to be given attention in students process of learning English.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	I
	DEDIKASI	II
	PENGHARGAAN	III
	ABSTRAK	IV
	ABSTRACT	V
	SENARAI KANDUNGAN	
	SENARAI JADUAL	
	SENARAI RAJAH	
	SENARAI SINGKATAN	
	SENARAI LAMPIRAN	86
BAB1	Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Pernyataan Masalah	10
	1.4 Objektif Kajian	11
	1.5 Persoalan Kajian	12
	1.6 Hipotesis Kajian	13
	1.7 Kerangka Kajian	13
	1.8 Kerangka Konseptual	17
	1.9 Batasan Kajian	19
	1.10 Kepentingankajian	19
	1.11 Definasi Istilah	20
	1.11.1 Penglibatan Ibu Bapa	20
	1.11.2 Motivasi Intrinsik	21
	1.11.3 Pencapaian Akademik	21

BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	23
	2.2 Pembelajaran Bahasa Inggris	23
	2.2.1 Pencapaian Bahasa Inggris Pelajar Dari Aspek Tatabahasa	23
	2.2.2 Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aspek Bahasa Inggris	23
	Murid	
	2.3 Motivasi Intrinsik Dalam Pembelajaran Bahasa Inggris	25
	2.3 Teori-Teori Kajian	25
	2.3.1 Teori Kognitif Bruner	31
	2.3.2 Zon Perkembangan Proksimal (Zpd)	31
	2.3.3 Teori Penentuan Kendiri	32
	2.3.4 Autonomi Dalam Pembelajaran Dan Pencapaian Bahasa Inggris	32
	2.3.5 Kompetensi Dengan Pembelajaran Bahasa Inggris	32
	2.3.6 Perkaitan	33
	2.3.6.1 Kajian Lepas Pencapaian Bahasa Inggris	36
	2.3.6.2 Kajian Lepas Motivasi Intrisik Dengan Pencapaian	37
	2.4 Kesimpulan	38
BAB 3	METADOLOGI KAJIAN	39
	3.1 Pengenalan	39
	3.2 Reka Bentuk Kajian	39
	3.3 Lokasi Kajian	40
	3.4 Populasi Kajian	40
	3.4.1 Sampel Dan Teknik Persampelan	42
	3.5 Instrumen Kajian	44
	3.5.1 Bahagian A-Demografi Responden	45
	3.5.2 bahagian B-Item-Item Penglibatan Ibu Bapa	45
	3.5.3 Bahagian C-Item-Item Motivasi Intrinsik	46
	3.6 Kajian Rintis	47
	3.7 Prosedur Kajian	48
	3.8 Penganalisan Data	50
	3.8.1 Analisis Deskriptif	51

	3.8.2 Analisis Inferens	51
	3.9 Kesimpulan	52
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	53
	4.1 Pengenalan	53
	4.2 Analisis Data	53
	4.2.1 Analisis Prifil Demografi Responden	54
	4.3 Analisis Deskriptif	56
	4.3.1 Analisis Deskriptif Tahap Penglibatan Ibu Bapa	57
	4.3.2 Analisis Deskriptif Motivasi Intrinsik	62
	4.3.3 Analisis Inferensi Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa Dengan Pencapaian Bahasa Inggeris	65
	4.3.4 Analisis Inferensi Hubungan Antara Motivasi Intrinsik Dengan Pencapaian Bahasa Inggeris.	66
	4.3.5 Analisis Inferensi Pengaruh Penglibatan Ibu Bapa Dan Motivasi Intrinsik Terhadap Pencapaian Bahasa Inggeris	69
	4.4 Kesimpulan	70
BAB 5	PERBINCANGAN RUMUSAN DAN DAPATAN	71
	5.1 Pengenalan	71
	5.2 Rumusan Dan Dapatan Kajian	71
	5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	72
	5.3.1 Perbincangan Berkenaan Tahap Penglibatan Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Bahasa Inggeris.	73
	5.3.2 perbincangan berkenaan Tahap Penglibatan Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Bahasa Inggeris	74
	5.3.3 Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa Dengan Pencapaian Bahasa Inggeris	77
	5.3.4 Pengaruh Penglibatan Ibu Bapa Dan Motivasi Intrinsik Dengan Pencapaian Bahasa Inggeris	78
	5.4 Implikasi Kajian	80
	5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	81
	5.6 Penutup	82

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Bilangan Pelajar Dari 17 Buah Sjkt Daerah Kluang	41
3.2	Jadual Penentuan Sampel	42
3.3	Bilanganpelajar Dari 10 Buah Sjkt Daerah Kluang	43
3.4	Perincian Soal Selidik	45
3.5	Pembahagian Item Instrumen Penglibatan Ibu Bapa	46
3.6	Pembahagian Item Instrumen Motivsi Intrinsik	47
3.7	Hasil Analisis Kajian Rintis	48
3.8	Analisis Data Kajian	50
4.1	Analisis Deskriptif Jantina Rsponden	54
4.2	Analisis Deskriptif Tempat Tinggal Responden	54
4.3	Analisis Deskriptif Pekerjaan Bapa Responden	55
4.4	Analisis Deskriptif Pekerjaan Ibu Responden	55
4.5	Analisis Deskriptif Jarak Rumah Dengansekolah Responden	56
4.6	Analisis Deskriptif Penglibatan Ibu Bapa	58
4.7	Analisis Deskriptif Motivasi Intrinsik	62
4.8	Analisis Korelasi Penglibatan Ibu Bapa Dengan Pencapaian Bahasa Inggeris	65
4.9	Analisis Korelasi Motivasi Intrisik Dengan Pencapaian Bahasa Inggeris	66
4.10	Analisis Regresi Berganda	68

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	14
1.2	Kerangka Konseptual	17
3.1	Teknik Persampelan Kajian	44

SENARAI SINGKATAN

MSLQ	Motivated Strategies For Learning Questionnaire
PPSMI	Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris
LTM	Memori Jangka Panjang
ZPD	Zon Perkembangan Proksimal
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pencapaian akademik seseorang pelajar menjadi kayu ukur bagi bukan sahaja di persekolahan namun juga di peringkat Intitusi Pengajian Tinggi (Epstein 1994; Lain Ehmann, 2001). Di Malaysia, sekolah berperanan sebagai institusi pembelajaran formal dan tidak formal yang menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang diperlukan dalam sektor pekerjaan termasuklah kemahiran berbahasa Inggeris (Radha, Noraini & Pramela, 2008). Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik adalah penting bagi membantu sesorang memperoleh pengetahuan yang lebih luas dalam bidang pengajian (Abdul Latif & Abu Hanifah, 2010).

Walau bagaimanapun, pengetahuan dan kecekapan Bahasa Inggeris pelajar Malaysia masih belum mencapai tahap yang sangat memuaskan. Kajian lepas oleh Abdul Halim, Hidzir, Woon dan Marriappen (2011) melaporkan bahawa pelajar mempunyai pandangan negatif menggunakan bahasa Inggeris sebagai media pengajaran untuk menjawab peperiksaan dwibahasa. Hasil kajian ini memberi implikasi bahawa pelajar menjadi kurang yakin untuk menghadapi ujian penilaian Bahasa Inggeris, yang selaras dengan kelemahan mereka dari aspek penulisan Bahasa Inggeris yang menggunakan tatabahasa yang tepat.

Abdul Latif dan Abu Hanifah (2010) melaporkan dalam penyelidikan mereka bahawa antara kelemahan pelajar dalam Bahasa Inggeris ialah kurang memahami isi pembelajaran, belum menguasai kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan, tidak mempunyai pengetahuan berkenaan isi pembelajaran yang disampaikan dalam Bahasa Inggeris, dan kurang kemahiran berbahasa di dalam bilik darjah.

Tamabahan lagi, kajian in melaporkan bahawa rasional kepada rendahnya penguasaan Bahasa Inggeris adalah kerana pelajar kurang menggunakan Bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian mereka (Zainudin & Dayang Rozina, 2010).

Kelemhana penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris berupaya memberi impak jangka panjang yang perlu diberikan perhatian sewajarnya. Biarpun Bahasa Inggeris dijadikan bahasa perantaraan di dalam kelas, namun situasi ini masih tidak dapat menyelesaikan isu kurangnya tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar dalam jangka masa pendek. Dalam usaha meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar, faktor psikologi seperti penyertaan ibu bapa dan motivasi intrinsik pelajar perlu dipertimbangkan (Abu Bakar & Abang Madni, 2010).

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif yang melibatkan penglibatan banyak pihak termasuklah pemimpin sekolah, guru, murid dan orang ramai malahan juga penglibatan ibu bapa bagi meningkatkan penguasaan pelajar (PPPM, 2012). Hal ini dapat dilihat melalui salah satu transformasi sistem pendidikan negara iaitu pada anjakan strategik ke sembilan yang menyentuh berkenaan penglibatan dan kerjasama daripada ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas.

Hasil penyelidikan sebelumnya telah membuktikan bahawa wujud perkaitan signifikan yang positif antara penglibatan ibu bapa dengan peningkatan prestasi akademik pelajar. Kanammah dan Melisa Shahizan (2013) mendapati dalam kajian mereka bahawa pembelajaran pelajar di sekolah banyak dipengaruhi oleh ibu bapa, seperti membantu memeriksa kerja rumah dan membuat cadangan. Hal ini kerana ibu bapa adalah individu yang sering berkomunikasi dengan anak-anak mereka di luar sekolah. Sokongan dan penyertaan ibu bapa meningkatkan kemampuan belajar pelajar (Chris & Rosemary, 2004). Hubungan antara ibu bapa dan pelajar adalah faktor utama kemajuan pelajar (Amod et al., 2008).

Selain daripada penglibatan ibu bapa, motivasi merupakan salah satu elemen psikologi yang menjadi pendorong kepada proses belajar dan merupakan kekuatan untuk melakukan sesuatu. (Crede & Kuncel, 2008).

Menurut Wan Rafaei (1993), motivasi sebagai satu bentuk tenaga dalaman kepada tingkah laku seseorang dalam menyalurkan sebuah matlamat. Secara spesifik, jenis motivasi intrinsik merupakan perasaan puas dan seronok disebabkan berlaku pengembangan ilmu pengetahuan yang menggembirakan (Noels, 2002). Motivasi merupakan elemen penting dalam pembelajaran Bahasa Inggeris terutama bagi mereka yang memiliki kemampuan rendah dalam bahasa Inggeris. Hal ini kerana, motivasi mendorong kesanggupan pelajar untuk meletakkan seluruh keupayaan dalam pembelajaran untuk mendapatkan hasil terbaik.

Pengguna Bahasa Inggeris adalah sangat meluas sehinggakan bahasa ini dijadikan sebagai bahasa teknologi yang sangat penting (Fadhlina 2006). Namun pelajar Malaysia didapati kurang berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris dan menyebabkan pencapaian pada bahasa ini yang masih sederhana (Zainudin & Dayang Rozina 2010). Umumnya, proses pendidikan dan pembelajaran anak-anak pada peringkat awal berlaku di rumah. Keluarga menjadi sumber kepada sokongan dan dorongan yang akan menjadi asas kepada kejayaan pelajar di sekolah. Kewujudan motivasi dalam diri pula menyebabkan pelajar akan berasa puas dan seronok dalam melaksanakan tugas pembelajaran serta menimbulkan kesedaran akan kepentingan pembelajaran dalam kehidupan mereka. Justeru itu, motivasi dan penglibatan ibu bapa penting untuk menggerakkan pembelajaran bagi setiap individu mencapai kecemerlangan termasuklah dalam proses pembelajaran Bahasa Inggeris.

1.2 Latarbelakang

Bahasa Inggeris dikenali sebagai bahasa ekonomi, bahasa antarabangsa dan juga bahasa teknikal yang menjadikan negara ini bersifat lebih berdaya saing (Yahaya, Hashim, & Che Shariff, 2008; Yahaya, Mohd Noor, Mokhtar, Mohd Rawian, Othman, & Zhusoff, Tahun 2009). Dalam konteks pendidikan, seseorang pelajar itu amat digalakkan untuk menguasai Bahasa Inggeris bagi memastikan mereka dapat memahami bahan bacaan yang ditulis dalam Bahasa Inggeris (Koutsogiannis & Mitsikopoulou, 2004).

Disebabkan Bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa, maka bahasa ini sering dipilih untuk dijadikan bahasa perantara bagi membolehkan proses interaksi antara penduduk dunia dapat dilakukan termasuklah akses ke pelbagai bahan bacaan berkualiti tinggi, bahan rujukan, dan pembelajaran dan pengajaran akademik yang banyak terdapat dalam talian (Koutsogiannis & Mitsikopoulou, 2004).

Kesedaran pelajar Malaysia mengenai pentingnya penguasaan bahasa Inggeris mendorong Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan Pengajaran Pembelajaran Sains dan Matematik Bahasa Inggeris (PPSMI) secara berperingkat bagi pelajar kelas satu, kedua dan enam. Soalan ujian dwibahasa diperkenalkan, dan dalam Peperiksaan Penilaian Rendah 2008 (UPSR) dan Peperiksaan Pendidikan Malaysia 2007 (SPM), peperiksaan sains dan matematik semuanya dalam Bahasa Inggeris. Pada tahun 2006, pelajar kelas empat sekolah menengah teknik menggunakan bahasa Inggeris untuk belajar. Pada tahun 2009, PPSMI dibubarkan dan memperkenalkan dasar “Memartabatkan Bahasa Malaysia dan memperkukuhkan Bahasa Inggeris (Rasdi).

Kelemahan penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris yang akan memberi kesan jangka panjang perlu ditangani secara efektif. Mohamed (2008) dalam kajiannya menunjukkan bahawa Majoriti mahasiswa UTM mempunyai skor Malaysian University English Test (MUET) yang lemah iaitu Band 3 dan ke bawah yang menyumbang kepada pelbagai masalah dalam pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris.

Selain itu, pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dilihat memberi kesan yang lebih besar kepada pelajar sekolah menengah dan pelajar yang lemah berbanding pelajar yang cemerlang (Abedi, Lord, & Plummer; 1995; Coking and Chipman, 1998). Kajian oleh Ishak dan Mohamed (2010) menunjukkan bahawa persediaan, minat dan keyakinan pelajar terhadap PPSMI adalah sederhana dan tidak memuaskan. Sebilangan besar pelajar didapati aktif dan bersetuju untuk melaksanakan dasar, kerjaya dan masa depan untuk kemahiran bahasa Inggeris mereka.

Kurangnya tahap keyakinan pelajar semasa menjawab soalan dalam Bahasa Inggeris dan kelemahan kemahiran menulis dalam Bahasa Inggeris dengan menggunakan tatabahasa yang betul adalah masalah yang perlu diselesaikan.

Abdul Halim, Hidzir, Woon, dan Marriappen (2011) melaporkan bahawa sebilangan besar pelajar tidak bersetuju dengan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Medium pengajaran untuk peperiksaan akhir merangkumi pelajar dengan PNGK 3.5 dan ke atas. Selain itu, faktor sikap, rakan sebaya, dan ibu bapa mempengaruhi penguasaan bahasa Inggeris pelajar (Abu Bakar & Abang Madni, 2010). Keupayaan untuk menguasai bahasa antarabangsa ini sangat terhad. Mereka juga didapati kurang berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan rakan sebaya mereka dalam pekerjaan berkelompok dan kehidupan seharian, yang juga menyumbang pada tahap penguasaan bahasa Inggeris yang sederhana. .

Antara faktor kurangnya penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar adalah kerana mereka Bahasa Inggeris kurang digunakan atau dituturkan dalam aktiviti seharian bersama rakan sebaya. Kajian melaporkan bahawa pelajar kurang tidak cenderung untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan rakan sebaya dalam kerja kumpulan dan kehidupan seharian, yang juga membantu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris perantaraan (Abu Bakar dan Abang Madni, 2010). Hal ini selaras dengan pernyataan Carhill (2008) dan Abdul Halim et al. (2011) bahawa antara faktor yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Inggeris adalah kekerapan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian disamping penggunaan bahasa tersebut dalam proses pembelajaran.

Pengurangan penyertaan ibu bapa dan motivasi diri dalam aktiviti dan pembelajaran sekolah akan mempengaruhi prestasi pelajar (Jowett & Baginsky, 1991). Batasan penyertaan ibu bapa boleh menyebabkan peningkatan masalah prestasi pelajar dan perkembangan gejala buruk. Oleh itu, sekiranya penyertaan ibu bapa dan motivasi diri pelajar dalam pembelajaran tidak diperkukuhkan, kecemerlangan pelajar sukar untuk dicapai (Henderson & Mapp, 2000). Penglibatan ibu bapa yang baik merujuk kepada penyertaan aktif ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak bukan sahaja di sekolah tetapi juga di rumah (Shaverand & Walls, 1998). Ibu bapa yang kurang melibatkan diri dalam pembelajaran anak-anak mereka di rumah, anak-anak tidak akan menumpukan perhatian pada apa yang mereka miliki dipelajari (Candis 2003) yang seterusnya mempengaruhi pencapaian akademik murid (Lawson, 2003). Rumusannya, anak-anak memerlukan penglibatan ibu bapa untuk meningkatkan motivasi diri dan tekad untuk memenuhi harapan mereka.

Pendidikan awal yang diterima oleh anak-anak di rumah, sokongan dan dorongan keluarga merupakan perkara asas bagi pelajar untuk berjaya di sekolah. Penyelidikan oleh Thuwayba, Taylor dan Humaira (2012) menunjukkan bahawa Oman telah lama memperkenalkan ibu bapa untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran anak-anak, dan pendidikan sekolah sering digunakan sebagai ruang untuk ibu bapa berkomunikasi dengan pembelajaran anak-anak. Ibu bapa dapat membantu meningkatkan kemampuan anak-anak mereka untuk menyelesaikan kerja rumah anak-anak mereka, menunjukkan minat terhadap pekerjaan rumah anak-anak mereka, memahami keperluan mereka, mengatur masa dan tempat untuk anak-anak mereka belajar dan menyelesaikan kerja rumah mereka, mengawasi kerja rumah anak-anak mereka, dan mengkaji semula pekerjaan rumah anak-anak mereka.

Kajian terdahulu yang berfokus pada latar belakang keluarga dan faktor sosioekonomi keluarga juga mendapati bahawa penglibatan ibu bapa berkorelasi positif dengan prestasi akademik pelajar. (Hill & Craft, 2003; Jeynes, 2005; Smith, 2002; Hill & Tyson, 2009; Bornstein, Hahs, Suwalsky & Haynes, 2003; Hill & Tylor Jenes, 2002; Griffith, 1996). Dapatan ini memberi gambaran bahawa, Penglibatan ibu bapa merupakan peramal penting pencapaian anak di sekolah.

Namun, menurut Lareau (2000), faktor limitasi masa menjadikan ibu bapa kurang sedar dan cakna akan peranan mereka dalam pembelajaran anak-anak mereka. Kebanyakan ibu bapa meletakkan harapan tinggi terhadap anak-anak mereka, berharap dapat merealisasikan cita-cita mereka tanpa mengambil bahagian dalam pendidikan anak-anak mereka secara langsung (Clark, 1994; Eccles & Harold, 1993; Hoover-Dempsey & Sandler, 1995; Lareau, 2000). Situasi ibu bapa yang sibuk dengan kerjaya, dan apabila pulang ke rumah dalam keadaan keletihan menyebabkan cara mendekati dan mendidik anak agak terbatas (Abd. Rahim et.al., 2006).

Kajian sebelumnya juga memberi perhatian lebih kepada penyertaan ibu bapa di sekolah, dan penyertaan ibu bapa harus diteruskan di rumah (Bhanot & Jovahonic, 2005; Cooper, Robinson, dan Patall, 2006; DePlanty, Coulter -Kern dan Duchane, 2007; Van Voorhis, 2003). Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa di rumah berkorelasi positif dengan pencapaian pelajar (Deslandes & Bertrand, 2005; Garg et al., 2002; Goldscheider, Thornton & Yang, 2001).

Walau bagaimanapun, fokus penyelidikan mengenai penglibatan ibu bapa masih tertumpu pada pelajar usia sekolah awal. Arnold, Zeljo & Doctoroff, 2008). Berlaku kecenderungan dalam kalangan Ibu bapa untuk memberi perhatian pada tahap awal persekolahan disebabkan sifat berdikari masih belum ketara dalam diri anak-anak ini (Jeynes 2005 Fletcher & Silberbeg 2006). Semasa kanak-kanak memasuki sekolah menengah, penglibatan ibu bapa akan menurun. Ibu bapa percaya bahawa anak-anak mereka mempunyai kemampuan untuk menguruskan kurikulum sendiri, memerlukan perhatian minimum daripada ibu bapa (Van Voorhis, 2003; Unger, Leod & Tressell, 2000).

Mantan Menteri Pelajaran Mahdzir Khalid (2016) juga menekankan dan membangkitkan isu ini. Beliau membincangkan isu penyertaan ibu bapa dalam aktiviti sekolah di seluruh negara. Menurutnyanya beliau, statistik terbaru menunjukkan bahawa penyertaan ibu bapa di sekolah Tamil berbeza. Terdapat negeri yang mencatatkan penglibatan ibu sebanyak 50% manakal terdapat juga negeri yang mencatatkan 40% penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak. Hal ini menjelaskan bahawa tahap penglibatan ibu bapa masih belum memuaskan.

Selain daripada penglibatan ibu bapa, faktor sendiri seperti motivasi juga berpotensi dalam menentukan pencapaian akademik seseorang. Menurut Azizi (2005) aspek motivasi diri adalah tenaga yang mengangkat diri ke tahap yang diinginkan. Motivasi adalah kekuatan yang mendorong seseorang untuk belajar, menumpukan perhatian, dan fokus pada tugas pembelajaran. Motivasi juga merupakan salah satu faktor terpenting untuk prestasi akademik, penyelesaian tugas dan keyakinan diri dalam pembelajaran. Motivasi intrinsik dapat ditingkatkan dengan penyertaan (ingin ikut serta), rasa ingin tahu (minat terhadap sesuatu mata pelajaran), cabaran (subjek yang kompleks), dan interaksi sosial.

Ahli teori motivasi Mulyasa (2003:112) berpendapat motivasi adalah tenaga pendorong atau penarik yang menyebabkan adanya tingkahlaku ke arah suatu tujuan tertentu. Peserta didik kerana motivasi yang tinggi dan akan belajar bersungguh-sungguh. Strategi kognitif lebih baik dengan mengulang pelajaran, mengingat dan mencatat informasi yang sudah dipelajari. Idris (2010) pembelajaran yang berkesan wujud jika ada minat dalam kalangan pelajar.

Individu yang mempunyai tahap motivasi tinggi cenderung untuk meneroka cabaran dan gemarkan persaingan demi untuk melakukan yang lebih baik bagi mendapatkan kepuasan kejayaan. Menurut Azizi et al. (2005), elemen motivasi diri merupakan tenaga untuk meningkatkan diri ke tahap yang diinginkan. Orang yang berjaya selalu menyedari bahawa dia mempunyai tanggungjawab untuk memotivasikan dirinya sendiri. Tahap motivasi diri yang rendah boleh menyebabkan faktor luaran memberi kesan negatif terhadap minat akademik (Dishion et al., 2005; Gatti et al., 2005).

Pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris masih lagi belum menjadikan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar berada pada tahap yang baik (Farahasnida, 2004). Pelajar masih menunjukkan kurang motivasi belajar serta mengalami pelbagai masalah dalam proses pengajaran (Yen Yeong, 2004). Masalah dengan sebutan bahasa Inggeris dan struktur ayat yang dihadapi oleh pelajar menyebabkan motivasi belajar rendah, kesukaran untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, dan jarang bertanya.

Pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik yang positif mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi, kurang rasa bosan, tekun dan menggunakan strategi pembelajaran yang memerlukan pemprosesan maklumat secara mendalam untuk memperoleh pencapaian tahap tinggi. (Mohd Zaki Ahmad & Mohd Zaki Abd Rahman, 2014; Sheldon dan Eliot, 1998). Motivasi intrinsik menjadi penentu kepada penyertaan pelajar dalam meningkatkan keseronokan semasa belajar, yang juga merupakan ukuran kepada prestasi pelajar (Soleiman & Shahraray, 2001; Ghulami, Khoda, Rahimi & Heidori, 2007). Perkembangan kognitif dan potensi pelajar banyak bergantung kepada sikap, minat dan motivasi yang berterusan (Anastasia & Suramaya, 2015).

Tidak kira tahap pendidikan, penguasaan Bahasa Inggeris pelajar berada pada tahap sederhana, terutama dalam kalangan penduduk luar bandar (Surif et al., 2006). Tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam pendidikan harus dipertimbangkan, kerana bahasa Inggeris adalah bahasa kedua yang diajarkan secara rasmi di Malaysia dan termasuk dalam silibus sejak awal pendidikan prasekolah (Stapa et.al., 2007). Banyak kajian lepas tentang pencapaian bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah menengah telah dilaksanakan (Mustafa, 2001; Suharmanto, 2003; Bjork, 2004; Lie, 2007; Marcellino, 2008; Zacharias, 2010; Thalal, 2010). Namun, kajian terhadap pelajar sekolah rendah masih tidak banyak.

Kajian lepas tentang pemboleh ubah psikologi yang berhubung dengan penguasaan bahasa inggeris juga ada dijalankan seperti pemboleh ubah kebimbangan (Casado, 2012), persepsi (Abdul Halim, Hidzir, Woon & Marriappen, 2011), sikap (Budiawan, 2008; Krause, 2000) dan minat (Krause, 2000). Namun kurang kajian yang melihat faktor motivasi dan penglibatan ibu bapa. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana motivasi dan penglibatan ibu bapa membawa kepada pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa Inggeris.

1.3 Pernyataan masalah

Di Malaysia, matlamat literasi bahasa Inggeris merangkumi penggunaan bahasa untuk berkomunikasi secara lisan dan bertulis untuk digunakan di peringkat nasional dan antarabangsa. (Hazita 2004). Amalan literasi awam menunjukkan bahawa ketiga-tiga kumpulan etnik utama Melayu, Cina dan India semuanya menerima kepentingan literasi Inggeris dalam pendidikan dan pekerjaan. Menurut Kern (2000), kebanyakan pelajar yang belajar bahasa Inggeris biasanya mengetahui semua perkataan yang telah mereka baca, tetapi walaupun telah bertahun-tahun melakukan kajian, mereka tidak memahami apa yang telah mereka baca. August dan Shanahan (2006) mendapati bahawa kemahiran literasi yang baik adalah syarat yang diperlukan untuk berjaya dalam semua mata pelajaran sekolah, dan juga merupakan peluang untuk melanjutkan pelajaran dan peningkatan ekonomi setelah tamat pengajian.

